KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **15 Julai 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 15/07/2024
M/SURAT: 14

# Usaha percepat keluar kad *fleet*

**IPOH:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengadakan mesyuarat bersama lima syarikat minyak utama Khamis ini bagi menangani isu pengeluaran kad *fleet* untuk Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, pada mesyuarat itu, kelima-lima syarikat minyak perlu mengemukakan dan membentangkan mekanisme untuk menyegerakan pengeluaran kad *fleet*.

Katanya, berdasarkan rekod terkini yang diperoleh sehingga Isnin lalu, sebanyak 165,897 kad *fleet* dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang memohon.

"Kad *fleet* ini menggunakan dua kaedah iaitu melalui prabayar atau pascabayar. Kalau secara prabayar tiada isu sebab syarikat-syarikat minyak boleh mengeluarkan kad *fleet* segera.

"Isu timbul apabila syarikat memohon untuk menggunakan kaedah pascabayar kerana sudah pastilah syarikat-syarikat minyak utama ini perlu melihat kepada dokumen lampiran, status kewangan dan sebagainya," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penutup Jelajah Karnival KPDN Zon Tengah dan Festiva Pengguna di Stadium Indera Mulia, di sini semalam.



**ARMIZAN Mohd. Ali berucap pada Majlis Perasmian Penutup Jelajah Karnival KPDN Zon Tengah dan Festival Pengguna di Ipoh. - UTUSAN/ MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA**

Mengulas lanjut beliau berkata, kelewatan pengeluaran kad *fleet* oleh syarikat minyak mungkin disebabkan oleh sikap tunggu dan lihat segelintir syarikat meskipun pelaksanaan SKDS telah diumumkan lebih awal Mac lalu sebelum penyasaran minyak diesel dikuatkuasakan pada Julai.

"Mereka tunggu penyasaran subsidi diumumkan barulah memohon. Jadi, apabila kerajaan umumkan, baru ramai yang memohon hingga menyebabkan permintaan tinggi dan berlaku tunggakan.

"Dari segi stok, semua syarikat minyak sebenarnya mempunyai satu juta stok fleet card. Sebelum penyasaran bermula, kita telah mendapat komitmen daripada kelima-lima syarikat minyak ini untuk mereka menyediakan satu juta kad *fleet*," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 15/07/2024
M/SURAT: 34

# Penyeludup lari tinggalkan 476kg minyak masak peket

**TUMPAT:** Seorang penyeludup bertindak melarikan diri dengan meninggalkan sebuah kereta Perodua Kancil yang sarat berisi 476 kilogram (kg) minyak masak peket bersubsidi selepas diserbu anggota penguat kuasa di jalan Pohon Pulai, Bunohan, di sini kelmarin.

Rampasan pukul 7.40 pagi itu dilakukan sepasukan anggota dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan berpandukan kepada maklumat risikan.

Pengarahnya Azman Ismail berkata, menyedari kehadiran anggota KPDN Kelantan suspek terus bertindak melarikan diri dengan meninggalkan barangan subsidi itu.

Menurutnya, hasil pemeriksaan lanjut yang dilakukan membawa kepada penemuan 476 kg minyak masak di tempat duduk penumpang dan bahagian belakang kereta tersebut.

"Nilai rampasan termasuk kereta dianggarkan berjumlah RM6,190 dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Azman memberitahu, KPDN Kelantan sentiasa serta melipat gandakan usaha membanteras ketirisan barang kawalan di sempadan negara ini menerusi kerjasama dengan agensi penguat kuasa lain.



MINYAK masak peket yang dirampas KPDN Kelantan dalam serbuan di tepi Jalan Pohon Pulai, Bunohan, Tumpat, Kelantan, kelmarin. – IHSAN KPDN KELANTAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 15/07/2024
M/SURAT: 5

# Ihsan Cashback, i-Mesra bantu tangani kos sara hidup rakyat

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperkenalkan dua lagi inisiatif baharu dalam menangani kos sara hidup rakyat.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, program Ihsan Cashback dan i-Mesra merupakan inisiatif terkini sektor swasta di bawah Ihsan Rahmah Madani.

Menurutnya, Ihsan Cashback memberi pulangan wang atas pembelian melalui rangkaian rakan kongsi yang bermatlamat membantu pengguna berjimat.

"Mereka boleh buat pembelian di rangkaian serta premis-premis perniagaan yang terlibat dan mereka boleh mendapat pulangan tunai dibangunkan oleh sektor swasta yang boleh memanfaatkan rakyat untuk mendapat pulangan tunai.

"Ia (Ihsan Cashback) juga diintegrasikan dengan sistem i-Mesra yang merupakan platform pengurusan perniagaan digital membantu pengusaha perkhidmatan makanan menguruskan inventori dan juga menawarkan Ihsan Cashback tersebut," katanya sempena Majlis Perasmian Penutup Jelajah Karnival KPDN Zon Tengah dan Festival Pengguna Tahun 2024 di Stadium Indera Mulia di sini pada Ahad.

Armizan berkata, nama rasmi bagi kedua-dua inisiatif baharu itu akan diperkenalkan selepas pelancaran secara rasmi dibuat.

Katanya, ketika ini hanya pra-pelancaran dilaksanakan bagi menonjolkan inisiatif daripada sektor swasta di bawah agenda Payung Rahmah.



ARMIZAN

Jelas beliau, KPDN akan menjadi pemudahcara terhadap inisiatif tersebut.

Dalam pada itu Armizan berkata, KPDN akan bermesyuarat bersama lima syarikat minyak bagi mencari penyelesaian berkaitan pengeluaran kad fleet lebih cepat di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

"Mesyuarat pada 18 Julai nanti bakal menentukan mekanisme mempercepatkan pengeluaran kad berkenaan kepada pemohon layak.

"Sehingga kini terdapat syarikat yang boleh keluarkan kad berkenaan dalam tempoh kurang 10 hari," katanya.

Sehingga 8 Julai, sebanyak 165,897 kad *fleet* dikeluarkan lima syarikat minyak.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Setengah tan minyak masak dalam Kancil

## KPDN patahkan cubaan seludup minyak peket subsidi ke Thailand

**Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN**
TUMPAT



**Kotak mengandungi minyak masak peket 1kg ditemukan di dalam kereta jenis Perodua Kancil di Bunohan, Tumpat.**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Sara Hidup (KPDN) berjaya mematahkan cubaan menyeludup 476 kilogram (kg) minyak masak peket bersubsidi ke negara jiran dalam satu serbuan di Pohon Pulai, Bunohan.

BEREH BOH!

Serbuan jam 7.40 pagi pada Jumaat mendapati, sejumlah kotak mengandungi minyak masak peket 1kg ditemukan di tempat duduk penumpang dan ruang simpanan belakang kenderaan jenis Perodua Kancil.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, kejayaan itu berdasarkan maklumat awam yang mana risikan mendapati kenderaan itu disyaki membawa barangan bersubsidi untuk tujuan penyeludupan ke negara jiran.

"Pasukan operasi mengesan kehadiran kenderaan ini yang di parkir di tepi jalan.

"Bagaimanapun ketika serbuan, suspek berjaya melarikan diri ke semak berhampiran," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Menurutnya, minyak masak peket bernilai RM1,190 dirampas dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"KPDN sentiasa melipat ganda usaha membanteras ketirisan barang kawalan ke sempadan negara dari masa ke semasa.

"Pada masa sama, KPDN turut mempergiatkan lagi usaha dengan mengadakan pemantauan dan rondaan termasuk di stesen minyak sekitar radius 50 kilometer dari sempadan negara bagi mengelak ketirisan," katanya.



THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 15/07/2024
M/SURAT: 2



# Ihsan Cashback, i-Mesra latest KPDN initiatives — Armizan

**IPOH:** Committed to continuing to assist the people in reducing the cost of living, the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is launching two new programmes for the private sector under the Ihsan Rahmah Madani initiative.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said that these programmes, namely Ihsan Cashback and i-Mesra, aim to help Malaysians reduce the cost of living and enhance the competitiveness of local businesses.

"Ihsan Cashback is an e-Wallet cashback programme that provides monetary returns on purchases made through partner networks, with the goal of helping consumers save on expenses, boosting purchasing power within the Malaysian economy and sustaining support for local businesses," he said.

He told reporters this after performing the pre-launch for the initiative and closing the Central Zone KPDN Carnival and Consumers' Festival 2024 here yesterday.

Armizan explained that the i-Mesra programme is a digital business management platform to assist food service entrepreneurs in inventory management, comprehensive ingredient references for consumers, financial management, marketing, digital verification processes and liability protection.

He added that these programmes are aimed at supporting micro, small and medium enterprises, particularly in the food and beverage sector.

Both these initiatives are expected to benefit consumers and businesses across all sectors and services in Malaysia.

"The food and beverage sector using the i-Mesra platform can offer special promotions or cashback to consumers using Ihsan Cashback," he said.

He hoped the combination of these two initiatives could help consumers reduce daily living costs and stimulate local businesses to expand their market. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 15/07/2024
M/SURAT: 3

# KPDN to meet oil firms on July 18 to seek faster fleet card issuing mechanism — Armizan

IPOH: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) will meet the five oil companies on Thursday (July 18) to identify a speedier fleet card issuing mechanism for applicants of diesel subsidies under the Subsidised Diesel Control System (SKDS).

Its Minister, Datuk Armizan Mohd Ali said the ministry had taken note of the delays in (approving) company applications for fleet cards, especially in the post-paid category, because the oil companies had to check the applicants' financial status first.

"Because of this and other issues, some fleet card applications take up to a month (to be approved). So, we want to see if the fleet cards can be issued faster, say in less than 14 days," he told reporters after officiating the closing ceremony of the Central Zone KPDN Carnival Tour Programme and Consumers' Festival 2024 here yesterday.

He said that based on the records obtained from the five oil firms as of July 8, a total of 165,897 fleet cards had been issued.

Meanwhile, Armizan said companies listed under 33 types of public and goods land transportation can apply to join the SKDS through the MySubsidi Diesel System under the regulation of KPDN, adding that complete applications can be approved immediately.

He said that, as of today (July 14), a total of 248,887 public and goods land transport vehicles involving 88,029 companies have had their diesel subsidy applications approved under the SKDS.

He added that apart from online applications, the KPDN also goes to the ground to promote and provide space for companies to pose any queries and submit their applications.

"Such outreach programmes are being implemented via the Open Day Programme through SKDS booths in government-organised events like the KPDN Carnival Tour and MADANI Rakyat programmes.

The companies which have received SKDS approval can directly apply for the fleet cards from the five oil companies which have been integrated into the MySubsidi Diesel System. - Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 15/07/2024
M/SURAT: 3

# Ihsan Cashback, i-Mesra latest KPDN initiative to cut living costs, boost business competitiveness

**IPOH:** Committed to continuing to assist the people in reducing the cost of living, the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is launching two new programmes for the private sector under the Ihsan Rahmah Madani (IRM) initiative.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said that these programmes, namely Ihsan Cashback and i-Mesra, aim to help Malaysians reduce the cost of living and enhance the competitiveness of local businesses.

"Ihsan Cashback is an e-Wallet cashback programme that provides monetary returns on purchases made through partner networks, with the goal of helping consumers save on expenses, boosting purchasing power within the Malaysian economy and sustaining support for local businesses," he said after performing the pre-launch for the initiative and closing the Central Zone KPDN Carnival and Consumers' Festival 2024 here yesterday.

Armizan explained that the i-Mesra programme is a digital business management platform to assist food service entrepreneurs in inventory management, comprehensive ingredient references for consumers, financial management, marketing, digital verification processes and liability protection.

He added that these programmes are aimed at supporting micro, small and medium enterprises (MSMEs), particularly in the food and beverage sector.

Both these initiatives are expected to benefit consumers and businesses across all sectors and services in Malaysia.

"The food and beverage sector using the i-Mesra platform can offer special promotions or cashback to consumers using Ihsan Cashback," he said.

He hopes that the combination of these two initiatives can help consumers reduce daily living costs and stimulate local businesses to expand their market in line with the KPDN initiative under the 'Buy Malaysian Products' campaign. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 15/07/2024
M/SURAT: 7

# Program baharu bantu kurangkan kos sara hidup

## KPDN lancar dua program baharu iaitu Ihsan Cashback dan i-Mesra

IPOH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melancarkan dua program baharu sektor swasta di bawah Inisiatif Ihsan Rahmah MADANI (IRM) sebagai usaha membantu rakyat mengurangkan beban kos sara hidup.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, program berkenaan iaitu Ihsan Cashback dan i-Mesra juga bertujuan meningkatkan daya saing peniaga tempatan.

"Ihsan Cashback ialah program pulangan tunai e-dompet yang memberi pulangan wang atas pembelian melalui rangkaian rakan kongsi, matlamatnya untuk membantu pengguna menjimatkan perbelanjaan, meningkatkan daya beli dalam ekonomi Malaysia dan mengekalkan sokongan kepada peniaga tempatan," katanya pada prapelancaran inisiatif berkenaan sebelum Majlis Perasmian Penutup Jelajah Karnival KPDN Zon Tengah dan Festival Pengguna 2024 di sini semalam.

Beliau berkata i-Mesra pula merupakan platform pengurusan perniagaan digital yang membantu pengusaha perkhidmatan makanan dalam mengurus inventori, memberi rujukan bahan ramuan menyeluruh kepada pengguna, pengurusan kewangan, pemasaran, proses pengesahan digital serta perlindungan liabiliti.

Program itu, katanya bermatlamat menyokong Perniagaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) terutamanya dalam sektor makanan dan minuman.

"Kedua-dua inisiatif ini diharapkan memberi manfaat kepada pengguna dan peniaga bagi semua sektor dan perkhidmatan di Malaysia.

"Sektor makanan dan minuman yang menggunakan platform i-Mesra boleh menawarkan promosi khas atau pulangan tunai kepada pengguna yang menggunakan Ihsan Cashback," katanya.

Beliau berharap gabungan dua inisiatif terbabit dapat membantu pengguna mengurangkan beban kos sara hidup ketika berbelanja harian seterusnya merangsang peniaga tempatan untuk memperluas pasaran mereka selaras inisiatif KPDN di bawah 'Kempen Beli Barangan Malaysia'.

Jelajah Karnival KPDN Zon Tengah dan Festival Pengguna di Stadium Indera Mulia, di sini bermula Jumaat lepas hingga hari ini telah menarik ribuan pengunjung dengan antara menarik perhatian ialah Jualan Rahmah yang menawarkan jualan barangan keperluan seperti beras dan telur pada harga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran.

Turut dijual minyak peket 1 kilogram bersubsidi dan barangan segar seperti ayam, ikan, bawang serta gula. — Bernama



**TINJAUAN:** Armizan meninjau barangan keperluan asas harian yang dijual pada Jualan RAHMAH yang berlangsung sempena Program Jelajah Karnival KPDN Zon Tengah dan Festival Pengguna Tahun 2024 Peringkat Zon Timur di Stadium Indera Mulia, Ipoh semalam. — Gambar Bernama

> "Ihsan Cashback ialah program pulangan tunai e-dompet yang memberi pulangan wang atas pembelian melalui rangkaian rakan kongsi, matlamatnya untuk membantu pengguna menjimatkan perbelanjaan, meningkatkan daya beli dalam ekonomi Malaysia dan mengekalkan sokongan kepada peniaga tempatan."

**Datuk Armizan Mohd Ali**
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 15/07/2024
M/SURAT: 10

# KPDN to meet oil firms to seek faster fleet card issuing mechanism

IPOH: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) will meet the five oil companies on July 18 to identify a speedier fleet card issuing mechanism for applicants of diesel subsidies under the Subsidised Diesel Control System (SKDS).

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the ministry had taken note of the delays in approving company applications for fleet cards, especially in the post-paid category, because the oil companies had to check the applicants' financial status first.

"Because of this and other issues, some fleet card applications take up to a month (to be approved).

"So we want to see if the fleet cards can be issued faster, say in less than 14 days," he told reporters after officiating the closing ceremony of the Central Zone KPDN Carnival Tour Programme and Consumers' Festival 2024 here yesterday.

He said that based on the records obtained from the five oil firms as of July 8, a total of 165,897 fleet cards had been issued.

Meanwhile, Armizan said companies listed under 33 types of public and goods land transportation can apply to join the SKDS through the MySubsidi Diesel System under the regulation of KPDN, adding that complete applications can be approved immediately.

He said as of yesterday, a total of 248,887 public and goods land transport vehicles involving 88,029 companies have had their diesel subsidy applications approved under the SKDS.

He added that apart from online applications, the KPDN also goes to the ground to promote and provide space for companies to pose any queries and submit their applications.

"Such outreach programmes are being implemented via the Open Day Programme through SKDS booths in government-organised events like the KPDN Carnival Tour and Madani Rakyat programmes.

The companies which have received SKDS approval can directly apply for the fleet cards from the five oil companies which have been integrated into the MySubsidi Diesel System. — Bernama



Armizan (right) chats with a family at a Rahmah Sales programme, held in conjunction with the event. — Bernama photo

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மலேசிய நண்பன்
மக்கள் ஏடு HARIAN TAMIL MALAYSIA NANBAN

HARI: KHAMIS
TARIKH: 15/07/2024
M/SURAT: 3

## டீசல் சலுகை அட்டை வெளியீடு:

# 5 நிறுவனங்களுடன் பேச்சுவார்த்தை




ஈப்போ, ஜூலை 15-

இலக்கிடப்பட்ட டீசலுக்கான உதவித் தொகை பெறும் தரப்பினருக்கு விரைவில் அதற்கான சலுகை அட்டையை வெளியிடுவது குறித்து வரும் வியாழக்கிழமை அரசாங்கம் நாட்டிலுள்ள 5 எண்ணெய் நிறுவனங்களுடன் பேச்சுவார்த்தை நடத்தும் என உள்நாட்டு வாணிப, வாழ்க்கைச் செலவினத்துறை அமைச்சர் டத்தோஸ்ரீ அர்மிஸான் முகமட் அலி கூறினார்.

தகுதி கொண்ட தரப்பினருக்கு டீசலுக்கான சலுகை அட்டையை வழங்குவதற்கு அதிக காலம் பிடிக்கிறது. இதற்கு காரணம் அவர்கள் குறிப்பிட்ட எண்ணெய் நிறுவனங்கள் பல்வேறு விவகாரங்களை பரிசீலிக்க வேண்டியுள்ளது எனவும் அவர் சொன்னார்.

சம்பந்தப்பட்ட தரப்பினரின் வங்கி கணக்கை சரிபார்ப்பது உட்பட பல்வேறு விவகாரங்களை அவர்கள் பரிசீலிக்க வேண்டியுள்ளது. எனவே, அதனை 14 நாட்களில் வெளியிடுவது குறித்து சம்பந்தப்பட்ட நிறுவனங்களிடம் பேச்சுவார்த்தை நடத்தப்படும் என அவர் சொன்னார்.

நேற்று இங்கு பயனீட்டாளர் விழாவைத் தொடக்கி வைத்த பின்னர் அவர் செய்தியாளர்களிடம் இவ்வாறு தெரிவித்தார்.

இம்மாதம் 8ஆம் தேதி வரை நாட்டில் 165,897 டீசலுக்கான சலுகை அட்டைகள் வெளியிடப்பட்டுள்ளதாகவும் அவர் சொன்னார்.

நாட்டில் 33 வகையான பொது தரைப் போக்குவரத்து நிறுவனங்களுக்கு இந்த டீசலுக்கான சலுகை அட்டை வழங்கப்படுவதாகக் கூறிய அவர், முழுமையான விண்ணப்பங்களுக்கு இந்த டீசலுக்கான சலுகை அட்டை விரைவில் வழங்கப்படும் எனவும் அவர் சொன்னார்.

இதுவரை பொதுப்போக்குவரத்து துறையில் சம்பந்தப்பட்ட 88,029 நிறுவனங்களைச் சேர்ந்த 248,887 வாகனங்களுக்கு இந்த டீசலுக்கான சிறப்பு சலுகை அட்டை வழங்கப்பட்டுள்ளதாகவும் அவர் சொன்னார்.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 15 JULAI 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 15-Jul | Cubaan seludup minyak masak peket ke negara jiran gagal | https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/674940 | SINAR HARIAN |
| 15-Jul | Cubaan Seludup 476 Kg Minyak Masak Peket Ke Negara Jiran Gagal | https://siakapkeli.my/2024/07/14/cubaan-seludup-476-kg-minyak-masak-peket-ke-negara-jiran-gagal/ | SIAKAP KELI |
| 15-Jul | Fleet Card: KPDN jumpa syarikat minyak bincang mekanisme pengeluaran lebih cepat | https://www.hmetro.com.my/node/1111273/amp | HARIAN METRO |
| 15-Jul | KPDN lancar inisiatif Ihsan Cashback, i-Mesra, beri manfaat buat peniaga & pengguna | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-lancar-inisiatif-ihsan-cashback-i-mesra-beri-manfaat-buat-peniaga-pengguna/ | BULETIN TV3 |
| 15-Jul | KPDN percepat pengeluaran kad fleet diesel | https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/675004 | SINAR HARIAN |
| 15-Jul | SKDS: KPDN perhalusi kaedah mempercepat pengeluaran kad fleet pascabayar | https://www.buletintv3.my/nasional/skds-kpdn-perhalusi-kaedah-mempercepat-pengeluaran-kad-fleet-pascabayar/ | BULETIN TV3 |
| 15-Jul | KPDN perkenal dua lagi inisiatif baharu | https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/675011 | SINAR HARIAN |
| 15-Jul | KPDN mesyuarat dengan lima syarikat minyak isu diesel subsidi, Khamis ini | https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/07/1271269/kpdn-mesyuarat-dengan-lima-syarikat-minyak-isu-diesel-subsidi-khamis | BERITA HARIAN |
| 15-Jul | KPDN to meet oil firms in July to seek faster fleet card issuing mechanism - Armizan | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2317444 | BERNAMA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 15-Jul | KPDN lancar Ihsan Cash-back, i-Mesra, bantu ku-rangkan kos sara hidup | https://www.hmetro.com.my/node/1111283/amp | HARIAN METRO |
| 15-Jul | KPDN lancar Ihsan Cash-back, i-Mesra bantu ku-rangkan kos sara hidup | https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/14/kpdn-lancar-ihsan-cashback-i-mesra-bantu-kurangkan-kos-sara-hidup | UTUSAN BORNEO |
| 15-Jul | Ihsan Cashback, i-Mesra latest KPDN initiative to cut living costs, boost business competitiveness | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2317483 | BERNAMA |
| 15-Jul | KPDN jumpa syarikat min-yak Khamis bincang mekanisme pengeluaran 'fleet card' lebih cepat | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-jumpa-syarikat-minyak-khamis-bincang-mekanisme-pengeluaran-fleet-card-lebih-cepat-479013 | ASTRO AWANI |
| 15-Jul | AWANI Ringkas: KPDN ma-hu mekanisme pengeluaran dipercepatkan | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/awani-ringkas-kpdn-mahu-mekanisme-pengeluaran-dipercepatkan-x925d7c | ASTRO AWANI |
| 15-Jul | KPDN to meet oil firms on July 18 to seek faster fleet card issuing mechanism - Armizan | https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2317444 | BERNAMA |